

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan sebahagian daripada RM100 juta akan digunakan untuk menjalankan latihan kemahiran kepada belia India. Berapakah peruntukan yang diagihkan untuk tujuan tersebut. Siapakah yang memantau pencapaian tersebut dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan tersebut?

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2014, sebanyak RM157.8 juta telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Ini termasuk RM100 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di dalam ucapan beliau ketika membentangkan Belanjawan 2014 untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran di kalangan masyarakat kaum India.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM74.55 juta telah diluluskan dan disalurkan kepada 41 Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sementara itu, 22 Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) juga telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dengan peruntukan sebanyak RM15.25 juta. Proses pelantikan ILKS akan dibuat selepas mendapat kelulusan Lembaga Perolehan B, JPM.

Baki peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India pada masa ini adalah berjumlah RM68 juta dan akan diuruskan oleh Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang telah ditubuhkan. Sebelum ini Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India ini dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM. Pemantauan dibuat melalui penyediaan laporan berkala (setiap 3 atau 4 bulan sekali) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Program pencapaian pelaksanaan program tersebut. Pemantauan juga dibuat melalui lawatan dan audit

ke setiap NGO dan ILKS yang mendapat peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India.

Program-program yang dijalankan adalah meliputi program latihan kemahiran, peningkatan pencapaian pendidikan, pembangunan sahsiah diri dan pembangunan keusahawanan. Program-program ini memberi fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan para peserta melalui penempatan pekerjaan di industri yang bersesuaian selepas tamat latihan ataupun menjalankan perniagaan bagi program-program berkaitan dengan pembangunan keusahawanan. Proses pemantauan juga akan dibuat oleh NGO dan ILKS untuk tempoh 6 bulan – 12 bulan bagi menilai pencapaian para peserta selepas tamat program. Bagi program berkaitan peningkatan pencapaian pendidikan pula, penumpuan diberikan kepada meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan utama seperti UPSR. Kumpulan sasar adalah bagi mereka yang berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal, anak-anak yatim, kumpulan belia berisiko tinggi, belia yang tercicir daripada sistem pendidikan dan warga emas.

Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengambil alih tanggungjawab pelaksanaan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) sejak September lepas dan akan membuat pemantauan program-program 2014 yang telah diluluskan kepada NGO dan ILKS. Pemantauan tersebut akan dibuat dari semasa ke semasa bersama-sama Jawatankuasa Penilaian Program bagi memastikan program yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Kebanyakan program masih lagi berlangsung dan penilaian impak bagi setiap program yang

dilaksanakan akan dibuat selepas program tamat. Pada masa yang sama, masih terdapat permohonan-permohonan yang diterima daripada NGO dan ILKS yang berminat untuk mendapatkan peruntukan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Penilaian bagi kertas cadangan yang baharu akan dibuat oleh Unit Khas.

Sekian. Terima kasih.